

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG [ KEPONG ]**

**TARIKH : 16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB TUAN LIM LIP ENG [ KEPONG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk menggubal akta baru bagi memastikan wakil rakyat yang keluar parti mengosongkan kerusi yang dimenangi demi menyekat masalah melompat parti

**JAWAPAN: (YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI  
JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kerajaan berpandangan bahawa setiap warganegara masih dijamin hak untuk bebas berpersatuan yang selaras dengan Perkara 10 (1) (C) Perlembagaan Persekutuan. Hak untuk bebas berpersatuan ini turut telah dibincangkan dalam keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes Dewan Undangan Negeri Kelantan & Anor v Nordin bin Salleh & Anor [1992] 1 CLJ 343.

Namun, sekiranya Kerajaan berpandangan terdapat keperluan untuk menggubal undang-undang lompat parti ini pada masa akan datang, sudah pasti kajian terperinci akan dilakukan termasuklah dengan mengadakan perbandingan *best practices* dengan negara-negara lain. Kajian secara terperinci ini perlu dilakukan memandangkan perkara ini bercanggah dengan Perkara 10(1)(C) Perlembagaan Persekutuan iaitu hak membentuk persatuan dengan syarat ia tidak membabitkan soal keselamatan, ketenteraman awam atau prinsip moral.

**NO. SOALAN : 28**

Pihak Kerajaan juga perlu mengadakan konsultasi dengan pelbagai pihak lain termasuklah badan bukan Kerajaan dan parti politik jika ianya hendak digubal kelak.

Sekian, terima kasih.